

01/03/2002

Dari Bintang Ke Bintang tidak sebertuah Chang & Eng

Salbiah Ani

CHANG & Eng - The Musical buah tangan Action Theatre Singapore yang didakwa mempunyai nilai estetika kelas dunia dari Singapura akan dipentaskan di Istana Budaya dari 1 hingga 10 Mac ini.

Dari 1 hingga 10 Mac juga akan berlangsung produksi teater tempatan, Dari Bintang Ke Bintang, karya Sasterawan Negara (SN), Datuk Usman Awang, yang pulang ke Rahmatullah pada 29 November lalu.

Secara perbandingan Action Theatre Singapore bertuah kerana diberi peluang membuat persembahan di Istana Budaya, tempat yang menjadi intaian ramai penggiat teater tempatan tetapi sebahagian besarnya kempunan sehingga kini.

Skrip Chang & Eng berdasarkan kisah benar kehidupan kembar Siam, Chang dan Eng, yang dilahirkan pada 11 Mei 1811 di atas bot di Sungai Mekong dalam wilayah Samut Songkram, kira-kira 72 kilometer dari Bangkok.

Bayi normal tetapi terlekat di dada itu dibenci dan dikatakan pembawa sial oleh penduduk kampung, diselamatkan ibunya, Nok, dan kemudian dijemput menghadap Raja Siam.

Nasib mereka berubah apabila seorang pedagang Amerika menjadikan adik beradik itu sebagai bahan pameran di seluruh Amerika Syarikat dan Eropah sebelum berpindah ke Carolina Utara dan menjadi warganegara Amerika.

Chang dan Eng yang dicatatkan sebagai kembar siam paling lama hidup, 63 tahun, dalam Guinness Book of Records itu jatuh cinta dengan adik-beradik berbangsa Amerika dan mempunyai 21 anak.

Dari Bintang Ke Bintang pula adalah naskhah Usman yang digarap bagi mengetengahkan pengorbanan bangsa Melayu dalam memerdekakan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah Inggeris.

Penulisannya bukanlah sebagai satu nostalgia tetapi bagi membakar semangat orang Melayu agar tidak lupa pengorbanan bangsanya suatu waktu dulu memungkinkan seluruh bangsa Malaysia menikmati kemewahan hidup hari ini.

Beberapa puisi sinis Usman termasuk Ketam Mengajar Anaknya Berjalan Betul dapat dinikmati melalui persembahan Dari Bintang Ke Bintang yang turut memuatkan nyanyian puisi dalam bentuk opera.

Dari Bintang Ke Bintang naskhah dari SN yang sudah terbukti memberi sumbangan bermakna kepada dunia sastera tanah air, nampaknya tidak sebertuah Chang & Eng.

Naskhah Usman itu akan hanya dipentaskan di Matic, Jalan Ampang, sekalipun hakikatnya Dari Bintang Ke Bintang mengungkap persoalan nasionalisme yang semakin menipis di kalangan rakyat negara ini.

Amat mengaibkan apabila beberapa pihak yang diminta menjadi penaja pementasan itu tidak disambut dengan tangan dan hati terbuka sekalipun Usman menyumbang dalam genre drama, puisi, cerpen dan kritikan sastera.

Pensyarah Jabatan Sastera, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Sohaimi Abdul Aziz, umpamanya memperakukan Usman meletakkan kerangka asas teori sastera khususnya dalam puisi.

Apakah badan bukan kerajaan (NGO), politik, korporat dan kementerian berkenaan akan menghulurkan dana apabila pementasan menampilkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai penaung?

Sebenarnya pentas persembahan tidak menjadi persoalan yang menghibakan kepada Sanggar Teater Fauziah Nawi (STFN) selaku penerbit Dari Bintang Ke Bintang kerana kesudian Matic memberi ruang sudah memadai.

Malangnya kegembiraan dan kesungguhan STFN untuk mendekati khalayak

teater dengan yang tersurat dan tersirat di sebalik Dari Bintang Ke Bintang tercabar oleh ketiadaan penaja.

Sehingga kini, hanya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sudi menghulurkan dana RM2,000, manakala badan lain baik korporat, badan pertubuhan bukan kerajaan mahupun politik, endah tak endah.

Tak tahulah pula, kalau harga SN Usman yang banyak menyemai persoalan kemanusiaan dan intergrasi kaum sebagai teras perpaduan negara menerusi sebahagian besar karyanya hanya bernilai RM2,000!

Pengasas STFN, Fauziah Nawati, ketika dihubungi mengesahkan pementasan Dari Bintang Ke Bintang akan dipentaskan mengikut jadual sekalipun tiada penaja sehingga rencana ini ditulis.

"Warga kerja STFN yang semuanya Melayu tidak sanggup meminta dana daripada syarikat berasaskan minuman keras sekalipun sudah ada pihak mencadangkan kami berbuat demikian," katanya ketika dihubungi Sastera dan Budaya, baru-baru ini.

Pementasan Dari Bintang Ke Bintang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada asalnya dijadualkan berlangsung di Matic dari 1 hingga 15 Februari tetapi STFN diminta menundanya kepada 1 hingga 10 Mac.

Penangguhan itu dilakukan kerana auditorium yang ditempah akan digunakan oleh pelajar Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dan STFN terpaksa akur dengan keputusan itu.

Dari Bintang Ke Bintang pertama kali menemui khalayak teater pada 1998 sempena Sukan Komanwel dan seramai 30 warga kerja STFN dengan sebahagian besar daripadanya wanita menjayakan pementasan itu.

Bagaimanapun, pementasan kali ini tidak seramai dulu dengan sebahagian besar daripada pelakon lelaki dan berkemahiran bermain parang kerana pementasan kali ini mengetengahkan babak peperangan.

Pementasan Dari Bintang Ke Bintang kali kedua ini akan hanya mengambil masa satu jam setengah berbanding dua jam setengah sebelum ini kerana babak-babak sudah dipadatkan daripada enam babak kepada empat.

Nasib produksi teater tempatan, dalam hal ini Dari Bintang ke Bintang, memberi gambaran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak menghiraukan masa depan penggiat teater sepenuh masa.

Kementerian juga sejak beberapa tahun kebelakangan ini memberi perhatian yang berlebihan kepada sektor pelancongan dan kebudayaan (itupun dalam tafsiran terlalu sempit dan sering dalam kepompong hiburan).

Lalu terjadilah hakikat anak di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan dan berleluasalah penerbit luar negara (khususnya Bollywood) mengadakan penggambaran di tempat tarikan pelancongan di negara ini.

Mereka suka datang ke Malaysia bukan dengan niat menaikkan nama negara ini sebagai destinasi pelancongan tetapi kerana dapat mengurangkan kos penggambaran bagi penerbitan filem mereka.

Sekali lagi penerbit tempatan bernasib malang kerana mereka dikenakan kadar bayaran bukan kepalang sekiranya mengadakan penggambaran di KLIA, menara berkembar KLCC, Menara Kuala Lumpur dan KL Sentral.

Ini belum lagi diambil kira kehadiran 'syarikat lepas jam lima' (after five company) yang mempunyai rangkaian kenalan dalam badan yang sepatutnya menghulurkan bantuan kewangan kepada badan teater negara ini.

Kehadiran syarikat sedemikian yang mengaut keuntungan dengan jalan mudah dan memperkudakan orang teater sepenuh masa sesungguhnya membunuh semangat dan menghina kejujuran mereka yang 'hidup dan mati' untuk teater.

Lalu wajarkah kita mengharap penerbit teater tempatan menghasilkan yang terbaik dan menunjukkan kreativiti mereka dalam karya, sekiranya perut mereka lapar dan kantong mereka pula kosong, sekosongnya!

(END)